

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
NEGARA,
MESYUARAT KOSONG, PENGGAL
KOSONG,
PARLIMEN KOSONG TAHUN**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN AKNAN EHTOOK
TARIKH : 17 APRIL 2017 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Aknan Ehtook minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan kadar penceraian dalam kalangan rakyat Malaysia berbanding negara-negara lain di rantau ASEAN dan apakah langkah yang diambil bagi mengurangkannya.

JAWAPAN

Dalam memahami statistik penceraian, pengukuran yang paling asas dalam melaporkan kadar penceraian adalah melalui Kadar Penceraian Kasar (Crude Divorce Rate). Kadar Penceraian Kasar adalah hasil bahagi antara bilangan penceraian yang didaftarkan pada sesuatu tahun dan jumlah keseluruhan penduduk. Nilai kadar ini ditafsirkan sebagai jumlah penceraian yang berlaku bagi setiap 1,000 orang penduduk pada satu-satu tahun. Pada tahun 2000, negara mencatatkan nilai Kadar Penceraian Kasar pada paras 0.6 penceraian bagi setiap 1,000 orang. Namun angka ini didapati telah meningkat kepada 1.8 penceraian pada tahun 2010 dan terus meningkat kepada 2.3 penceraian bagi setiap 1,000 orang penduduk pada tahun 2015.

Jika dibandingkan dengan kes penceraian di ASIA, kadar penceraian di negara jiran Singapura didapati turun 0.1 mata daripada 1.9 penceraian pada 2013 kepada 1.8 penceraian pada tahun 2015 bagi setiap 1,000 penduduknya. Manakala kadar penceraian di Korea Selatan turun menurun daripada 2.3 penceraian pada 2012 kepada 2.1 penceraian pada tahun 2015 bagi setiap 1,000 penduduknya. Di China dan Thailand, kadar penceraian pada tahun 2012 masing-masing mencatatkan 1.8 dan 1.7 penceraian bagi setiap 1,000 penduduknya.

Perkhidmatan Kaunseling Kekeluargaan

Kerajaan melalui agensi bertanggung jawab telah melaksanakan pelbagai usaha bagi memantapkan institusi perkahwinan dan kekeluargaan di Malaysia. KPWKM melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) ada menyediakan perkhidmatan kaunseling kekeluargaan. Perkhidmatan kaunseling kekeluargaan ini merupakan salah satu usaha bagi membantu pasangan suami isteri dalam menguruskan tekanan, konflik dan masalah-masalah yang wujud dalam perkahwinan. Perkhidmatan ini boleh diperolehi di setiap pejabat LPPKN negeri yang berada di seluruh negara yang dikendalikan oleh 17 orang kaunselor dan 61 orang kaunselor panel bertauliah.

Tuan Yang Di Pertua,

Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) di bawah KPWKM juga memberi khidmat kaunseling kepada wanita yang mengalami masalah dalam rumah tangga. Selain itu JPW juga menjalankan program bagi membantu mengurangkan kadar penceraian dalam kalangan masyarakat iaitu :

- (i) Program “Bridge To A Better Life” iaitu program kemahiran psikologi yang terbuka kepada lelaki dan wanita dalam menangani cabaran dalam kehidupan; dan
- (ii) Program Literasi Undang-Undang yang terbuka kepada lelaki dan wanita agar lebih peka dengan kepentingan undang-undang keluarga dari aspek syariah dan juga sivil.

LPPKN dengan kerjasama NGO turut memainkan peranan dalam melaksanakan program pengukuhan institusi perkahwinan yang merangkumi program Pra Perkahwinan SMARTSTART, Perkahwinan Mega dan SMARTSTART 2ND Honeymoon kepada pasangan suami isteri bagi menerapkan ilmu pengetahuan dan kemahiran kekeluargaan. Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima (KPKM-5) mendapati lebih satu pertiga perkahwinan pertama di Malaysia yang berakhir dengan penceraian/ perpisahan berlaku dalam tempoh kurang daripada 5 tahun. Sehubungan itu Program Pra Perkahwinan SMARTSTART ditumpukan kepada pasangan yang akan dan baru berkahwin iaitu usia perkahwinan tidak lebih daripada 5 tahun. Manakala program SMARTSTART 2ND Honeymoon disasarkan kepada pasangan suami isteri yang telah berkahwin lebih daripada 5 tahun bagi mengukuhkan semula hubungan antara suami dan isteri. Daripada tahun 2006 sehingga tahun 2016, LPPKN telah melaksanakan 628 program pra perkahwinan dan pengukuhan institusi keluarga dengan melibatkan seramai 25,072 orang peserta. Program pra perkahwinan juga turut dilaksanakan oleh agensi kerajaan lain seperti JAKIM dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

Kementerian juga telah mengadakan kerjasama dengan Institut Wasatiyyah Malaysia (IWM) untuk melaksanakan program Seminar Kebangsaan Wasatiyyah pada tahun 2016. Seminar tersebut memberi penumpuan kepada generasi

NO SOALAN: 85

muda (Gen-Y) terutamanya pasangan yang baru berumahtangga dalam membentuk keluarga yang 'wasatiyyah'. Jalinan kerjasama dengan IWM akan diteruskan pada tahun ini melalui program yang telah dirancang.